

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Selasa, 21 Julai 2020 10:38 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: EDUTOURISM UUM BERSIAP SEDIA UNTUK NORMA BAHARU SEKTOR PELANCONGAN



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia


21 JULAI 2020 / 29 ZULKAEDAH 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

Gambar oleh: Jabatan Strategik Dan Pembangunan Perniagaan

EDUTOURISM UUM BERSIAP SEDIA UNTUK NORMA BAHARU SEKTOR PELANCONGAN



UUM ONLINE: Bahagian Edutourism membuat persiapan rapi dengan mematuhi sepenuhnya prosedur operasi standard (SOP) sebagai persediaan untuk beroperasi seperti biasa.

Pengurus Bahagian Edutourism, Jabatan Strategik Dan Pembangunan Perniagaan, Muhammad Fauzi Mokhtar berkata, setelah ditutup lebih dari 4 bulan disebabkan penularan wabak COVID-19, pihaknya telah melaksanakan operasi nyah kuman ke atas semua aset seperti basikal letrik Voltron, Trem, Rang Car dan ATV.

“Aktiviti nyah kuman ini menggunakan pam penyembur berkuasa bateri dan berkeupayaan menyembur sejumlah 16 liter cecair pada setiap isian penuh. Garis panduan untuk membuat larutan nyah kuman berkenaan diperolehi dari Unit Persekitaran PKUUUM.

“Amalan nyah kuman ini menjadi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang akan dibuat apabila aset berkenaan telah selesai digunakan oleh para pelanggan demi menjamin kesihatan dan keselamatan bersama,” katanya, baru-baru ini.

Dalam usaha melancarkan urusan kepada pelanggan, Bahagian Edutourism telah melaksanakan simulasi operasi khidmat kaunter dan serahan basikal berdasarkan kepada pematuhan SOP yang telah disediakan sebagai persediaan awal dan latihan kepada staf Edutourism.

“Simulasi ini memberi latihan kepada barisan hadapan supaya mereka dapat membiasakan diri dengan SOP seperti yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara untuk sektor pelancongan.

“Dalam simulasi ini, para pelanggan diminta untuk beratur dengan mengamalkan jarak sosial, pemeriksaan suhu badan, menggunakan cecair pembasmi kuman (‘hand sanitizer’) yang disediakan serta mengisi butiran peribadi pelanggan ke dalam borang pendaftaran,” jelasnya.

Sebarang pertanyaan atau tempahan produk dan aktiviti Edutourism, sila hubungi Amri Mahmud di talian 04-928 3921 atau Helmi Yatus di talian 04-928 3926.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.